



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry of Science, Technology and
Innovation)**
**Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



19 Ogos 2020
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 2/2020

PEMANSUHAN AKTIVITI “DEMONSTRASI” DAN “PAMERAN”

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen mengenai pemansuhan aktiviti “demonstrasi” dan “pameran”.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) melalui Notis Pemberitahuan Bil. 01/ 2017 bertarikh 14 Jun 2017 telah memutuskan bahawa aktiviti demonstrasi peralatan sinaran¹ dan pameran radas penyinaran adalah dikawal secara pelesenan, iaitu mana-mana orang yang berurusan dengan bahan radioaktif hendaklah mempunyai lesen Kelas A dan mana-mana orang yang berurusan dengan radas penyinaran hendaklah mempunyai lesen Kelas C. Di samping itu, pemegang lesen hendaklah mengemas kini maklumat mengenai demonstrasi atau pameran melalui sistem atas talian (e-Lesen) seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat lesen.

3. Jabatan AELB juga telah mengeluarkan dokumen panduan bertajuk Panduan Demonstrasi Peralatan Sinaran dan Pameran Radas Penyinaran, LEM/TEK/61 Sem.1 bertarikh 11 Julai 2016 untuk memaklumkan kepada pemegang lesen mengenai syarat yang perlu dipatuhi bagi mengadakan demonstrasi peralatan sinaran dan pameran radas penyinaran.

¹ Peralatan sinaran termasuk sumber sinaran (radas atau bahan yang berupaya mengeluarkan sinaran mengion) dan perkakasan lain yang perlu untuk melengkapkan peralatan tersebut.

KEPUTUSAN AELB

4. Walau bagaimanapun, melalui pengemaskinian maklumat demonstrasi melalui sistem e-Lesen, Jabatan AELB mendapat terdapat syarikat penjual yang berlesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) yang melakukan demonstrasi peralatan sinaran bagi tempoh yang tidak munasabah (terlampaui lama) sedangkan tujuan demonstrasi adalah untuk promosi penjualan dan bersifat sementara.
5. Sehubungan itu, Jabatan AELB telah memutuskan untuk **memansuhkan aktiviti “demonstrasi” dan “pameran”** memandangkan aktiviti “demonstrasi” dan “pameran” masing-masing adalah termasuk dalam perbuatan **“menggunakan¹”** dan **“mengendalikan²”** seperti yang ditafsirkan sebagai “urusan” di bawah Akta 304.
6. Susulan keputusan Jabatan AELB di perkara 5, syarikat penjual yang berlesen di bawah Akta 304 yang berhasrat menggunakan dan mengendalikan peralatan sinaran bagi tujuan promosi penjualan hendaklah:
 - i. memastikan tujuan aktiviti yang berkaitan, iaitu “menggunakan” dan “mengendalikan” adalah termasuk dalam aktiviti yang dilesenkan;
 - ii. hanya menggunakan atau mengendalikan peralatan sinaran yang dilesenkan;
 - iii. peralatan sinaran di kawasan kawalan hanya digunakan atau dikendalikan oleh pekerja sinaran yang diiktiraf oleh Jabatan AELB;
 - iv. mengemas kini lokasi semasa peralatan sinaran yang dilesenkan melalui sistem e-Lesen tanpa perlu memohon kebenaran ubah lokasi peralatan sinaran.
7. Selaras dengan keputusan memansuhkan aktiviti demonstrasi dan pameran, dokumen **LEM/TEK/61 Sem.1** adalah **dibatalkan**.

¹ Menggunakan ertiannya perbuatan melakukan sesuatu terhadap peralatan sinaran bagi tujuan sebagaimana untuk apa peralatan tersebut diciptakan, contohnya jururadiograf dikatakan menggunakan mesin sinar X ataupun bahan radioaktif ketika melakukan kerja radiografi bagi menghasilkan radiograf.

² Mengendalikan ertiannya perbuatan selain dari menggunakan, iaitu menyentuh, memindah, mengawal, mengurus, menyenggara dan yang seumpamanya.

PENGUATKUASAAN KEPUTUSAN

8. Keputusan ini mula berkuatkuasa pada **7 September 2020**.

PENUTUP

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan Jabatan AELB menggunakan alamat di bawah:

Unit Komunikasi Korporat

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)

Kementerian Sains,Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888

No. Faks : +603-89223685

E-mel : corporate@aelb.gov.my

Laman Web : wwwaelb.gov.my